

## Falsafah Pembangunan Negara Zikir Memperteguh Stabiliti Konsep Melayu Islam Beraja

Rasinah Ahim

Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan

Sharif Ali,

Negara Brunei Darussalam.

Vol.3, Issue 2 | July 2020

---

### KATA KUNCI

Falsafah, pembangunan,  
Negara Zikir, stabiliti,  
Melayu Islam Beraja

### ABSTRAK

Negara-negara dunia hari ini saling bersaing dan berlumba-lumba untuk meletakkan kedudukan negara masing-masing dalam kelompok negara maju yang mencapai indeks terbaik dalam aspek pembangunan, perindustrian, perekonomian, kesihatan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya. Dalam keterujaan negara-negara dunia bergerak dan mengejar beberapa pencapaian global, Negara Brunei Darussalam pula, berhasrat menjadikan bentuk dan lanskap negaranya menjadi sebuah Negara Zikir yang merupakan cetusan idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sekali gus menunjukkan kebitaraan Baginda dalam menerajui Negara Brunei Darussalam. Negara Zikir bukan bermakna mengenyahkan pembangunan zahir tetapi hakikatnya mengutamakan serta mendahulukan tuntutan Allah Subhānahu wa Ta'ālā dalam setiap pembangunan yang dilaksanakan sama ada yang bersifat fizikal, material dan spiritual. Justeru artikel ini mengupas mengenai falsafah pembangunan Negara Zikir yang dilihat sejajar dengan prinsip Islam, yang selayaknya diaplikasikan di dalam sebuah negara yang mengangkat Islam sebagai agama kebangsaan. Kupasannya menggunakan pendekatan kualitatif dengan bersandarkan kepada kaedah deskriptif dalam memperolehi hasil maklumat mengenai perbincangan di dalamnya. Sesungguhnya dalam merealisasikan Negara Brunei Darussalam mencapai status Negara Zikir, maka setiap inci pembangunan yang disusun, diusahakan dan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam hendaklah bermatlamatkan semata-mata untuk mendapatkan mardhatillah atau meraih keredhaan Allah Subhānahu wa Ta'ālā. Negara Zikir bukan bermakna satu pendekatan atau mekanisme baharu tetapi ia lebih bersifat kepada memperteguh stabiliti konsep Melayu Islam Beraja yang menjadi dasar pembangunan Negara Brunei Darussalam pada saat pengisytiharan kemerdekaan, malah telah diaplikasikan sejak pembinaan Institusi kesultanan Brunei lagi.

### KEYWORD

Philosophy, development,  
Zikir Nation, stability,  
Malay Islamic Monarchy

### ABSTRACT

Today's world nations are competing and racing to position their respective countries in a group of developed countries that reach the best index in the aspect of development, industrial, economic, health, safety, education, and so on. In the excitement of the world's countries moving and pursuing several global achievements, Brunei Darussalam in the other hand aims to make the shape and landscape of the country into a state of Zikir Nation as the idea of His Majesty the Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan

---

Negara Brunei Darussalam, thus showing His Majesty's greatness in the helm of Brunei Darussalam. The Zikir Nation does not mean to set aside the external development but in fact, it prioritizes the demands of Allah Subhānahu wa Ta'ālā in every implemented development whether in physical, material and spiritual. Hence, this article analyzes the development of the philosophy of the Zikir Nation, which is seen in line with Islamic principles and is applied in a country that lifted Islam as a national religion. Thus, a qualitative approach based on descriptive methods is applied to acquire information on this discussion. Of course, in accordance to make Brunei Darussalam attaining the status of the Zikir Nation a reality, every inch of development which is planned, initiated and implemented in Brunei Darussalam should be directed solely to obtain the favor of Allah Subhānahu wa Ta'ālā. The Zikir Nation does not only mean as an approach or as a new mechanism, but it is more to strengthen the concept of the Malay Islamic Monarchy, which is Brunei Darussalam's national development policy as proclaimed at the time of the independence declaration, and thus has been applied since the construction of the Brunei Sultanate Institution.

## 1.0 PENGENALAN

Negara Zikir merupakan gabungan dua patah perkataan iaitu 'negara' dan 'zikir' yang membawa satu maksud dan merujuk kepada suatu tempat yang dinamakan negara. Negara Zikir adalah satu istilah yang diilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-29 (selepas ini diringkaskan kepada KDYMM Sultan Haji Hassanah Bolkiah). Baginda telah menzahirkan hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir menerusi titah Baginda sempena Hari Raya Aidiladha bagi tahun 1428H bersamaan 2007M, pada 10 Zulhijjah 1428H bersamaan 19 Disember 2007M (Titah-Titah, 2008: 92-94):

“...Brunei adalah negara yang selalu bersama-sama dengan Ar-Rahman (Yang Maha Mengasihi), yang sentiasa berhias dengan zikir dan menjadikannya sebagai rutin kebiasaan. Kerana itu Allah pun, dengan rahmat-Nya, memalingkan kita dari sebarang kesusahan dan bencana, dari pelbagai anasir yang boleh merosakkan keamanan. Beta, insya Allah akan terus berazam untuk menjadikan Brunei sebuah Negara Zikir yang sentiasa mengagungkan Allah, supaya kita selalu berada dalam perhatian dan pemeliharaan-Nya, sesuai dengan janji-Nya dalam Surah al-Baqarah ayat 152, tafsirnya: “*Kamu ingatlah Aku, nescaya Aku akan mengingati kamu pula...*”

Sesungguhnya KDYMM Sultan Haji Hassanah Bolkiah sangat optimis, yang gagasan Negara Zikir mampu meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang memenuhi serta menepati ciri-ciri negara terbaik yang digambarkan di dalam

firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: “...(Negeri kamu ini ialah) negeri yang baik (aman dan makmur dengan buah-buahan yang banyak), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun...” (Sūrah Sabā` (34 ): 15).

Kesungguhan untuk merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir telah ditegaskan sekali lagi di dalam Majlis Ilmu, sempena Hari Keputeraan Baginda yang ke-62 tahun, pada 23 Rejab 1429H bersamaan 26 Julai 2008M (Titah-Titah, 2009:76-78):

“...Beta memang berazam untuk melihat Brunei Darussalam menjadi Negara Zikir. Suka beta tegaskan di sini, bahawa azam beta ini bukanlah retorik. Tetapi bersumber dari keyakinan mendalam bahawa Negara Zikir itu akan menjadi 'tuah' kepada semua, kerana ia pasti disukai oleh Allah, Tuhan Maha Pencipta dan akan mendapat rahmat serta pertolongan-Nya...”

Intipati titah Baginda berkaitan dengan Negara Zikir turut mengandungi beberapa saranan supaya memikirkan dan memahami acuan, mekanisme serta matlamat Negara Zikir yang ingin dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam agar ia menepati dengan maksud dan matlamat Negara Zikir itu sendiri (Titah-Titah, 2009:76-78). Baginda telah bertitah:

“...Cuma syarat terpenting di sini, semua pihak mestilah sama-sama memahami kerekarakteristik Negara Zikir itu, apa fundamentalnya dan bagaimana ruang lingkungannya, supaya kita benar-benar meyakinkannya sebagai acuan dan landasan yang sangat-sangat kita perlukan...”

Justeru artikel ini mengupas falsafah pembangunan Negara Zikir yang kelak menjadi sandaran serta asas untuk memahami acuan, mekanisme operasi, dan

matlamat yang perlu disusun serta diusahakan untuk merealisasikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Di samping menjelaskan keselarasannya dengan konsep Melayu Islam Beraja (selepas ini diringkaskan kepada MIB) yang menjadi dasar kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam sejak pengisytiharan kemerdekaannya lagi.

## 2.0 TINJAUAN KEPUSTAKAAN

Buku yang bertajuk "*Negara Zikir Azam, Keperluan dan Pelaksanaan*" (2010) adalah antara kajian awal yang dibentangkan oleh para ilmuwan Negara Brunei Darussalam di dalam sebuah Majlis Ilmu, yang perbincangannya memfokuskan kepada interpretasi Negara Zikir serta hala tujunnya dalam pembangunan negara dan pembentukan masyarakatnya supaya memenuhi sasaran Negara Zikir yang dihasratkan. Perkara yang sama juga dimuatkan di dalam artikel tulisan Ahmad Abdussalam bin Abdul Rahman yang bertajuk "*Brunei Darussalam Negara Zikir: Hasrat Sultan Haji Hassanal Bolkiah*" (2010), berkisar tentang hasrat seorang pemimpin yang mengimpikan tampuk pemerintahannya memenuhi lunas-lunas Islam sesuai dengan nama yang diilhamkan oleh Baginda iaitu Negara Zikir. Tulisan Mahayudin Haji Yahaya bertajuk "*MIB: Misi Global Ke arah Negara Zikir Berdasarkan Teori 'Umran*" (2014) membincangkan tentang istilah 'Umran teori yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun yang menurut penulis adalah sangat sesuai untuk diterapkan dan dijadikan asas dalam membina Negara Zikir. Teori yang menekankan elemen agama, akhlak, dan keadilan membawa kepada penyatuan dalam masyarakat dan negara. Manakala buku bertajuk "*Ensiklopedia Negara Zikir jilid 1: Pengenalan*" (2015), merupakan hasil kajian Amiruddin Alam Shah, Mahayudin Haji Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar, Rasinah Ahim, Rafidah Abdullah dan Rafizah Abdullah, menghuraikan mengenai konsep Negara Zikir dari perspektif sejarah, politik, ekonomi dan sosiobudaya masyarakat. Di samping penjelasan mengenai objektif dan matlamat mewujudkan Negara Zikir seperti yang dihasratkan oleh KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah supaya dapat difahami oleh sekalian masyarakat di dalamnya dan seterusnya dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam. Sementara buku suntingan Siti Sara Haji Ahmad dan Muhammad Syukri Salleh yang bertajuk "*Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*" (2015), di dalamnya mengandungi beberapa artikel yang menumpukan kepada kupasan tentang dasar dan strategi tiga sektor penting negara, iaitu pertama: politik dan pentadbiran, kedua: sosio-ekonomi dan ketiga: pendidikan. Buku ini menjelaskan, bahawa pada hakikatnya landasan Negara Zikir telah diaplikasikan sekian lama di Negara Brunei Darussalam iaitu semenjak berdirinya Institusi Kesultanan Islam Brunei sejak pertengahan

abad ke-14 lagi. Maka kewujudannya kini adalah untuk menyuburkan lagi pelaksanaannya di dalam segenap aspek hidup. Buku yang bertajuk "*Ensiklopedia Negara Zikir Jilid 2: Tatanegara Zikir*" (2016), tulisan Mahayudin Hj Yahaya dan Ahmad Baha Mokhtar merupakan kesinambungan daripada Ensiklopedia Negara Zikir jilid 1, memfokuskan tentang aspek ketatanegaraan sebagai tonggak pembangunan dan kemakmuran masyarakat dan Negara Zikir berteraskan teori politik Islam seperti yang dibangunkan oleh Kerajaan di zaman awal Islam. Sementara artikel ini pula menjelaskan dan memperincikan falsafah pembangunan Negara Zikir dari aspek acuan, matlamat dan mekanisme untuk menjadi panduan untuk mengaplikasikannya dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam, sebuah kerajaan yang melaksanakan Islam sebagai dasar utama kerajaan.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Keseluruhan kajian adalah menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kajian deskriptif. Proses pengumpulan data adalah berdasarkan kajian kepustakaan iaitu menggunakan metode dokumentasi daripada sumber primer serta sekunder, yang ada hubungannya dengan skop dan topik kajian seperti yang diperolehi melalui artikel, jurnal, dan buku. Proses analisis data adalah menggunakan metode analisis kandungan dengan menganalisis teks-teks yang diperolehi secara kritikal dan mendalam bagi menghasilkan hasil dapatan. Di samping menggunakan metode analisis perbandingan terhadap data-data yang diperolehi bagi menghasilkan kesimpulan.

## 4.0 HASIL DAPATAN

Maklumat dan data yang diperolehi telah dirumuskan dan menghasilkan kepada perbincangan berikut:

### 4.1 FALSAFAH PEMBANGUNAN NEGARA ZIKIR

Perkataan 'falsafah' berasal daripada bahasa Yunani iaitu gabungan perkataan '*philo*' (*love* atau cinta) dan '*sophia*' (*wisdom* atau hikmah), dan secara literalnya diterjemah kepada 'mencintai kebijaksanaan' (*to love wisdom*). Kata nama '*philosophia*' memberi konotasi 'cintakan kebijaksanaan' (*the love of wisdom*), manakala ahli falsafah pula disebut sebagai 'manusia yang cintakan kebenaran' (*those who love to see the truth*) (Mohd Nasir Omar 2010:10).

Oleh itu, falsafah ialah satu disiplin ilmu yang mengusahakan kebenaran umum dan asas. Lazimnya falsafah digunakan untuk menggambarkan tujuan atau objektif yang dilahirkan daripada pemikiran

atau perlakuan manusia. Maka dalam konteks ini, falsafah merupakan matlamat akhir yang ingin dicapai dalam sesuatu kegiatan, tugas atau kerja yang dilakukan. (Mohd Nasir Omar 2010:9).

Pembangunan ialah proses kemajuan daripada mundur kepada moden, daripada sebuah masyarakat yang mudah (*simple*) kepada yang kompleks, dan daripada sesuatu yang buruk kepada yang baik (Ronaldo Munck, 1994: 22-23; Lukman Z, Mohamad et.al, 2002:3;). Che Bakar Che Mat et.al (2007:5) pula menyatakan bahawa pembangunan ialah suatu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik yang merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi.

Secara umumnya, pembangunan sangat sinonim dengan kemajuan, justeru, pembangunan merupakan proses yang bersifat proaktif untuk memajukan serta meningkatkan kualiti hidup manusia, dan sering kali dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi (Seers, 1969: 2-6). Walau bagaimanapun, pembangunan itu tidak hanya menumpukan kepada kedudukan ekonomi semata-mata, tetapi adalah bersifat menyeluruh. Pembangunan itu merangkumi pelbagai aspek, iaitu fizikal, material dan spiritual.

Mengupas tentang falsafah pembangunan Negara Zikir, artikel ini memfokuskan kepada tiga (3) elemen, iaitu; acuan, mekanisme operasi, dan matlamat sebagai asas dan sandaran untuk mewujudkan Negara Zikir.

#### 4.1.1 Acuan

Acuan menurut Kamus Dewan (1998:5) ialah bekas yang mempunyai bentuk tertentu untuk dituangkan sesuatu bahan cecair atau sesuatu yang dapat membentuk atau mencorakkan sesuatu. Maka dalam konteks Negara Zikir, ia adalah selari dengan acuan yang digunapakai dalam 'Negara Islam'. Umumnya takrif bagi 'Negara Islam' ialah negara yang kuasanya disyaratkan berada pada tangan orang Islam (Che Bakar Che Mat, 2007:44). Bererti jika kepimpinan sesebuah negara itu di bawah kuasa orang Islam, maka dengan sendirinya, pentadbiran menurut syara' dapat dilaksanakan. Pendapat ini senada dengan takrifan Dr Abdul Karim Zaidan (1984:11-13) yang menyatakan bahawa 'Negara Islam' adalah negara di mana orang Islam memegang kekuasaan.

Acuan Negara Zikir itu merangkumi semua sudut iaitu yang melibatkan agama atau kepercayaan, pemimpin, pelaksanaan undang-undang dan pentadbirannya serta masyarakat yang berada di dalamnya. Perincian acuan Negara Zikir mengandungi perkara-perkara berikut:

#### i. Agama atau Kepercayaan Negara Zikir

Agama atau kepercayaan dalam acuan Negara Zikir ialah agama Islam. Islam adalah agama atau *al-Din* yang tidak bersifat nasional atau kebangsaan, tetapi bercirikan kemasyarakatan yang dinamik. Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* berfirman yang tafsirnya: "...Dan Kami tidak mengutus engkau (wahai Nabi Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam...". (Sūrah al-Anbiyā (21): 107). Islam adalah satu-satunya agama yang diwahyukan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* kepada seluruh kronologi umat manusia. Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* adalah agama untuk sepanjang zaman, bagi sekalian bangsa yang berpegang kepada al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* berfirman yang tafsirnya: "...Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam...".(Sūrah Ali-'Imrān (3): 19). Meskipun di dalam Negara Zikir itu memberikan kebebasan untuk menganut agama lain tetapi Islam perlu diangkat sebagai agama rasmi.

#### ii. Pemimpin Negara Zikir

Ketua negara merupakan pemimpin yang tertinggi di dalam sesebuah negara bagi melindungi agama, serta memastikan perundangan dan peraturan dapat dilaksanakan di dalamnya. Pemilihan pemimpin tertinggi negara perlu menepati ciri-ciri atau syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi memastikan ia mampu melaksanakan segala tugas dan amanah yang telah ditetapkan. Pelbagai gelaran digunakan kepada pemimpin Islam, seperti *khalifah*, *Imāmah*, *Sultān* dan *Amīr*. Biar apapun gelaran yang digunakan, tetapi peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh pemerintah Islam tetap sama, iaitu menegakkan syiar Islam. Oleh itu, acuan seorang pemimpin Negara Zikir hendaklah beragama Islam serta beriman kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Bertindak selaku pengerak dan pelaksana peraturan pentadbiran negara yang berlunaskan undang-undang dan hukum-hukum Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Janganlah orang-orang yang beriman menjadikan orang-orang kafir sebagai penolong dengan membelakangkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan demikian maka tiadalah dia (mendapat perlindungan) daripada Allah dalam sesuatu jua pun..."(Sūrah Al-'Imrān (3): 28).

#### iii. Masyarakat Negara Zikir

Situasi yang berlaku di dalam sesebuah negara adalah berkait rapat dengan masyarakatnya. Formula ataupun sistem dalam pembentukan masyarakatnya merupakan natijah kepada kedudukan sesebuah negara itu, sama ada berdiri

sebagai sebuah negara yang harmoni atau negara yang bergolak. Dalam konteks ini, Piagam Madinah adalah simbol yang paling tepat untuk dicontohi dan diteladani. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dalam menerajui Kota Madinah, telah mengambil kira dan menghormati hak, cita rasa dan naluri semua penduduk Madinah ketika itu. Baginda mengamalkan sistem hak sama rata di sisi undang-undang dan aspek-aspek lain sehingga berjaya membangunkan masyarakatnya hidup harmoni dalam perpaduan. Oleh yang demikian, konsep masyarakat Negara Zikir ialah masyarakat yang dibina dengan bertunjangkan kepada aqidah, syariat dan akhlak iaitu yang berpegang teguh kepada ajaran Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, serta menghindari segala bentuk kemungkar, di samping melaksanakan segala undang-undang Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam setiap aturan perjalanan hidup manusia dan menghiasi diri dengan akhlak Islam sebagai etika dalam perhubungan dengan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, sesama manusia dan alam. Masyarakat Negara Zikir adalah masyarakat yang mentaati pemimpinnya selama mana pemimpinnya berlaku adil dan tidak berlaku zalim. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil-'amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah kepada (Kitab) Allah (al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya ..." (Sūrah al-Nisā (4): 59).

#### iv. Sistem dan prinsip pentadbiran Negara Zikir

Pentadbiran Islam adalah pentadbiran yang berpaksikan kepada prinsip syariah yang bersumberkan kepada al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Manakala objektif pentadbiran Islam itu ke arah melaksanakan lima (5) ciri utama yang terkandung di dalam *Maqāsid Shari'ah* iaitu; menjaga agama (*hifz al-Dīn*), menjaga nyawa (*hifz al-nafs*), menjaga akal (*hifz al-'aql*), menjaga keturunan (*hifz al-nasab*) dan menjaga harta (*hifz al-māl*). Prinsip dan objektif inilah yang perlu terus dilaksanakan dalam sistem pentadbiran Negara Zikir. Pendek kata, sistem pentadbiran Negara Zikir berdiri tanpa mencemarkan prinsip dan objektif politik dalam pentadbiran Islam, dalam maksud pengabdian kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* (Muhammed Sahrin bin Haji Masri, 2015:103). Sistem dan prinsip pentadbiran Negara Zikir meletakkan perundangan Islam di kedudukan yang tinggi, kerana sumber rujukan utama ialah al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyah. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Dan

*hendaklah engkau menetapkan hukum antara mereka mengikut apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau mengikut hawa nafsu mereka ..."*(Surah al-Maidah (5): 49).

#### 4.1.2 Mekanisme Operasi

Mekanisme operasi Negara Zikir melibatkan individu, keluarga dan masyarakat. Fauzian Mohammad (1997:146) melihat bahawa individu terlibat dalam pembentukan masyarakat Madani, di mana pembentuk masyarakat adalah berasal daripada kelompok kecil iaitu keluarga dan individu. Individu inilah yang bertanggungjawab mendidik dan membentuk keluarganya sehingga mewujudkan institusi kekeluargaan yang kukuh dan seterusnya membentuk masyarakat yang bertanggungjawab dan secara langsung berperanan membangun sebuah negara yang aman dan makmur. Begitu juga halnya dalam pembangunan Negara Zikir, mekanisme operasi bermula dalam diri individu, keluarga dan masyarakat yang mendahulukan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam segala tindak tanduk.

Adapun dalam membangun Negara Zikir, contoh terbaik ialah merujuk kepada kerajaan Madinah yang dibangun oleh Baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Baginda telah menerajui dan memimpin Madinah mengikut lunas-lunas yang telah digariskan di dalam al-Qur'an al-Karim. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam Sūrah al-Ahzāb yang tafsirnya: "...Demi sesungguhnya pada diri Rasulullah itu adalah contoh yang baik bagi kamu iaitu bagi orang yang mengharap (keredhaan) Allah dan (kebahagiaan) hari Akhirat serta banyak berzikir mengingat Allah..."(Sūrah al-Ahzāb (31): 21). Sejarah juga menampilkan beberapa tokoh daripada kalangan para sahabat Baginda yang mencontohi kepimpinan Baginda sebagai khalifah atau pemimpin di dalam masyarakat Islam seperti di dalam zaman khulafa al-rashidin dan khalifah Umar Abdul Aziz. Kepimpinan ini telah berjaya melahirkan masyarakat yang sentiasa mengingati Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* serta membangun sebuah negara yang berjaya dari aspek fizikal dan spiritual, sehingga meletakkan semenanjung Arab ketika itu sebagai sebuah negara yang tersohor lagi bertamadun.

Pembangunan Negara Zikir turut menitikberatkan perkaedahan yang perlu dilaksanakan oleh individu, keluarga dan masyarakat. Syukri Salleh (2015:36-37) berpendapat bahawa perkaedahan pembangunan Negara Zikir adalah ibadah, di mana manusia dikehendaki setiap saat mengabdikan diri kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, maka pembangunan yang dilaksanakan hendaklah menjadi alat atau alasan untuk beribadah kepada Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Ibadah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; ibadah asas seperti yang

terkandung di dalam rukun Islam, ibadah utama, yang menjurus kepada amalan-amalan sunnah dan ibadah umum seperti yang berkait dengan pembangunan. Dalam hal pembangunan, ibadahnya disyaratkan kepada lima (5). Pertama ialah niat kerana Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* sepenuhnya, kedua: hendaklah isi pembangunan selari dengan Islam, ketiga: hendaklah kaedahnya menurut syariat, keempat: hendaklah natijahnya tidak bertentangan dengan Islam, dan kelima hendaklah ia tidak menjejaskan amalan ibadah asas. Ibadah asas dan ibadah utama membawa kepada pembangunan rohani, manakala ibadah umum membawa kepada pembangunan zahir. Gabungan antara pembangunan rohani dan pembangunan zahir ini akan membawa kepada pembangunan Negara Zikir.

#### 4.1.3 Matlamat

Falsafah pembangunan Negara Zikir meletakkan bahawa matlamat yang hendak dicapai adalah untuk meraih *mardātillāh* (keredhaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*). *Mardātillāh* adalah kejayaan yang paling hakiki dan paling unggul bagi setiap perkara yang telah dilakukan. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Allah redha terhadap mereka dan mereka pula redha terhadapNya. Itulah kejayaan yang besar..." (Sūrah al-Māidah (5) : 119). Mengenai hal ini, Abu al-A'la al-Mawdudi (1979: 94) menjelaskan bahawa manusia melihat dengan fitrahnya, yang mendahului bahawa tidak ada gunanya sesuatu pekerjaan yang tidak mendatangkan faedah bagi dirinya. Oleh itu, tidak hairanlah setiap orang akan mengharap keuntungan dan faedah terbaik hasil daripada perkerjaan yang dilakukan (Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, 2013:43). *Mardātillāh* sangat berkait rapat dengan kejayaan. Kejayaan besar akan diperolehi dengan adanya *mardātillāh* tetapi kejayaan besar tanpa *mardātillāh*, tidak membawa makna kejayaan yang hakiki. Konsep kejayaan yang digariskan oleh Islam berkait rapat dengan nilai-nilai murni seperti kesabaran dalam menunaikan segala suruhanNya dan menjauhi segala laranganNya.

Oleh itu, pembangunan Negara Zikir yang hendak dilaksanakan perlu memenuhi garis panduan Islam. Pembangunan yang dibina perlu selaras dengan tuntutan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang akhirnya akan menghasilkan keredhaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, manakala pembangunan yang membelakangi segala tuntutanNya ditakuti akan mengundang kemurkaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Ringkasnya, pembangunan tidak dikira berjaya, meskipun mendapat kejayaan yang besar, sekiranya tanpa keredhaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* (Syukri Salleh, 2003:18). Apa yang penting, pembangunan Negara Zikir adalah pembangunan yang mendatangkan *mardātillāh* di dunia dan di akhirat. Firman Allah

*Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Demi sesungguhnya Allah redha terhadap orang-orang yang beriman ketika mereka berjanji setia kepadamu (wahai Nabi Muhammad) di bawah pohon (di Hudaibiyah) maka Dia mengetahui apa yang ada dalam hati mereka lalu Dia menurunkan ketenangan kepada mereka dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat..." (Sūrah al-Fath (48) : 18).

Maka dalam konteks Negara Zikir, semua sudut pembangunan yang dilaksanakan di dalamnya sama ada pembangunan jasmani mahu pun pembangunan rohani adalah semata-mata untuk menegakkan hak-hak Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dengan menyeru kepada kebaikan dan menolak segala kemungkaran, demi untuk meraih *mardātillāh*. Selama *mardātillāh* menjadi matlamat utama dalam pembangunan Negara Zikir, maka ciri *baladun Tayyibatun wa rabbun ghafūr* dapat dikecapi dan dicapai. Berusaha meraih *mardātillāh* akan meletakkan negara sentiasa dalam keadaan harmoni, aman, dan makmur malah masyarakat di dalamnya akan beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* yang tafsirnya: "...Wahai orang-orang yang beriman! Ruku' dan sujudlah serta sembahlah Tuhan kamu dan lakukanlah kebaikan supaya kamu beroleh kemenangan ..." (Sūrah al-Hajj (22): 77)

Kesimpulannya kriteria Negara Zikir telah dirangkumi di dalam konsep MIB yang meliputi tiga (3) ciri utama iaitu agama atau kepercayaan, masyarakat atau bangsa dan pemimpin. Kesemua ciri mempunyai keutamaan untuk pembinaan sesebuah masyarakat dan negara.

#### 4.2 NEGARA ZIKIR MEMPERTEGUH STABILITI KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA

Pemasyhuran kemerdekaan bagi Negara Brunei Darussalam yang berlangsung pada tanggal 1 Januari 1984M secara langsung telah menekankan bahawa corak pemerintahan di dalamnya dipayungi oleh konsep MIB, seperti yang terkandung di dalam titah KDYMM Sultan Haji Hassanah Bolkiaah sempena hari bersejarah tersebut (Md.Zain bin Haji Serudin1998:27):

"...Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu wata'ala, akan untuk sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Uagama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredhaan Allah Subhanahu wata'ala jua..."

Konsep MIB mengandungi tiga (3) perkataan yang melambangkan kebangsaan dan identiti masyarakatnya. Perkataan 'Melayu' menunjukkan

bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara Melayu dengan sistem pemerintahan cara Melayu yang dipandu dengan ajaran Islam serta dipimpin oleh seorang raja atau sultan dalam satu masyarakat yang bersatu padu mengamalkan nilai-nilai luhur kebudayaan Brunei. 'Melayu' adalah bahasa nasional sebagai alat berkomunikasi, juga simbol perpaduan dan identiti bangsa (Haji Awang Abdul Aziz bin Haji Awang Umar, 1993:13-15). 'Melayu' juga meliputi hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak jati bangsa Melayu iaitu Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Bisaya, Murut, dan Dusun, menunjukkan sebuah masyarakat yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beragama, beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara (Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (1995:2-3).

Manakala perkataan 'Islam' pula menekankan bahawa Islam adalah sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna yang diperakui oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* serta sebagai asas kepada pembentukan masyarakat dan pembangunan negara dalam beragama (Haji Awang Abdul Aziz bin Haji Awang Umar, 1993:16). 'Islam' diangkat sebagai agama rasmi negara menurut akidah Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengikut Mazhab al-Shafii yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap, sempurna dan unggul (Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (1995:2-3).

Perkataan 'Beraja' dalam konsep MIB ialah sistem kerajaan atau pemerintahan beraja. Raja atau sultan adalah selaku pemimpin dan penaung rakyat yang memegang amanah Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam menjalankan kuasa tertinggi dengan cara yang adil dan ihsan menurut landasan hukum-hukum Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. (Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (1995:2-3).

Meskipun konsep MIB mula dihebahkan ketika pemasyhuran kemerdekaan, namun nilai serta amalannya telah diterapkan sejak sekian lama iaitu sejak kewujudan Institusi Kesultanan Melayu yang dibina oleh Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama memeluk Islam. Baginda telah menjadikannya sebagai dasar dalam sistem pemerintahan lalu diteruskan oleh sultan-sultan yang mewarisi tampuk pemerintahan Negara Brunei Darussalam hinggalah ke era pemerintahan sekarang. Maknanya sistem ini berlangsung lebih 600 tahun lalu, malah terus subur sebagai cara hidup masyarakat di dalamnya (Mohd. Jamil Al-Sufri, 1990: 86-87; Pg Dr Mohammad bin Pg Hj Abd Rahman, 2001:68-69; Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 1993:124). Hakikatnya konsep MIB ini adalah mekanisme yang sangat tepat untuk mempertahankan Negara Brunei Darussalam kekal dan kukuh sebagai sebuah negara Melayu, kekal sebagai negara yang berpandukan kepada aqidah

Islam, dan kekal sebagai negara yang melaksanakan sistem monarki (Awang Mohd Jamil Al-Sufri, 2004:9).

Konsep MIB berdiri sebagai falsafah pembangunan kebangsaan yang membawa kepada perpaduan dan keharmonian masyarakat di dalamnya dengan menerapkan segala tuntutan dan keredhaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* khususnya yang melibatkan pentadbiran dan cara hidup. Beberapa usaha telah dilaksanakan sejajar dengan kehendak ajaran Islam seperti melazimi bacaan al-Qur'an al-Karim sebagai amalan harian sebelum memulakan tugas dan pekerjaan, meraikan hari-hari kebesaran Islam sebagai majlis kebangsaan negara, usaha menerbitkan Mushaf al-Qur'an al-Karim Brunei Darussalam bahkan telah meletakkan al-Qur'an al-Karim sebagai cokmar universiti, pengharaman arak dan rokok untuk diperniagakan di Brunei Darussalam, melaksanakan sistem kewangan Islam, mewujudkan beberapa institusi keagamaan dan institusi pendidikan agama dan yang lainnya. Pendeknya, pembangunan dalam konsep MIB adalah pembangunan seimbang antara fizikal dan spiritual yang menekankan keadilan, amanah, dan kesejahteraan dalam beragama, bermasyarakat dan bernegara (Haji Awang Abdul Aziz bin Haji Awang Umar, 1993: 19). Ini juga menunjukkan bahawa adanya keselarasan antara konsep MIB dengan gagasan Negara Zikir yang menekankan kepada elemen Islam dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam.

Gagasan Negara Zikir muncul selepas dua puluh tiga (23) tahun konsep MIB menjadi asas dan tonggak kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam. Munculnya gagasan Negara Zikir bukanlah bermakna konsep MIB tidak relevan atau tidak cukup kukuh untuk menjadi tanda aras kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam. Tetapi ia adalah seiring dengan perkembangan dunia masa kini yang saling bersaing dan berlumba-lumba untuk tersenarai dalam kelompok negara maju. Dalam masa yang sama kita terdedah dengan pelbagai senario dan cabaran akibat arus kemajuan antarabangsa yang perlu diharungi dan diatasi dengan menyediakan strategi bagi menangkis perkara-perkara yang tidak sesuai dengan dasar serta etika pembangunan Negara Brunei Darussalam. Maka untuk berhadapan dengan pelbagai perkembangan dan kemajuan dunia global ini, gagasan Negara Zikir dilihat muncul tepat pada masanya untuk menyokong dan seterusnya memperteguh stabiliti konsep MIB dengan penekanan khusus kepada merealisasikan Islam secara komprehensif dalam kesemua aspek hidup.

Negara Zikir yang dihasratkan menjadi wajah dan identiti Negara Brunei Darussalam masa depan, menunjukkan kebitaraan KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai pemimpin. Baginda melihat bahawa gagasan Negara Zikir adalah mekanisme yang sesuai kepada pembentukan, pembangunan

dan kemajuan negara serta penyatuan sebuah masyarakat yang harmoni, dinamik dan progresif dengan mengutamakan tuntutan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dalam segenap aspek hidup. Pelaksanaan ke arah pembangunan Negara Zikir giat diusahakan sepanjang Baginda menerajui kerajaan Negara Brunei Darussalam, antaranya; mewartakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 pada akhir tahun 2013M, Perintah Pendidikan Agama wajib 2012 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2013M, Penutupan sementara Premis Perniagaan pada waktu solat Jumaat yang dikuatkuasakan pada tahun 2012M, penubuhan Institut Tahfiz al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah, penubuhan Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, sejak awal tahun 2007M, peraturan pengharaman jual beli arak turut dikuatkuasakan sejak 1990M, Pengharaman fahaman dan ajaran sesat, Pelaksanaan sistem kewangan Islam melalui Penubuhan Bank Islam Brunei pada tahun 1981M, diikuti Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) sejak tahun 1991M dan yang lainnya.

Keselarasan komponen Islam dalam konsep MIB dan intipati mengenai acuan, mekanisme serta matlamat Negara Zikir menjadi tapak yang sangat subur untuk merealisasikan hasrat KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk mengekalkan kerajaan Baginda sebagai sebuah kerajaan yang meletakkan Islam sebagai prioriti utama. Negara Zikir adalah imej sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran-ajaran agama Islam dengan menjadikannya sebagai panduan dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan, dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara (kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2011: Muhammad Syukri Salleh, 2015:30) sejajar dengan konsep MIB yang melaksanakan perjalanan negara berpandukan kepada aqidah Islam menurut Ahli Sunnah wa al-Jama'ah. Pendeknya, Negara Zikir dan konsep MIB saling berkait rapat dan berjalan seiring agar matlamat pembangunan Negara Brunei Darussalam dibina atas prinsip-prinsip Islam dapat dilaksanakan dengan baik lagi sempurna. Sesungguhnya berdirinya Negara Zikir adalah berteraskan kepada konsep MIB (Mahayudin Hj Yahaya dan Ahmad Baha Mokhtar, 2016:273), yang mana kedudukan konsep MIB adalah asas kepada pembangunan negara dan perpaduan juga kesejahteraan masyarakat sejak sekian lama dan akan terus berlangsung menjadi identiti serta cara hidup masyarakat Brunei. KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah bertitah (Titah, 2010):

"MIB jiwa raga Brunei, Ia tidak boleh dilihat dengan kaca mata biasa, tetapi perlu ditanggapi dengan kefahaman dan kesedaran. Setiap orang perlu faham dan sedar, bahawa MIB bukan 'jalan sempit',

tetapi sebuah lebuhraya yang panjang dan luas. Ia menjanjikan kesejahteraan dan kebajikan untuk semua..."

Seterusnya Baginda menekankan (Titah, 2016):

"...Bagi kita orang-orang Brunei, landasan atau acuan atau calak itu ialah MIB. Dalam makna, apa-apa jua yang tumbuh dan lahir daripada kita, adalah acuan atau calaknya tidak lain dari MIB. Gunakan acuan atau calak ini di dalam kehidupan di mana saja. Jangan ia ditukar ganti dengan yang lain-lain. Di bidang budaya umpamanya, kita boleh saja mengetahui atau mengenali budaya orang lain, selaku ia satu cabang ilmu. Tetapi hanyalah setakat mengetahui atau mengenali sahaja, bukan untuk memakainya. Adapun untuk dipakai, hanyalah budaya kita sendiri, yang acuannya MIB..."

Maknanya setiap langkah dan usaha untuk pembangunan Negara Brunei Darussalam perlu diuruskan mengikut prinsip-prinsip Islam. Hasrat ini tidak mustahil dapat direalisasikan dengan adanya sokongan, komitmen dan keazaman daripada KDYMM Sultan Haji Hassanal Bolkiah sendiri selaku seorang pemimpin, dan usaha serta penerimaan daripada rakyat dan penduduk di dalamnya. Pembangunan yang bukan setakat untuk berdiri setanding dengan negara-negara dunia lain tetapi yang lebih penting pembangunan yang memenuhi keredhaan Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*. Seperti yang ditegaskan melalui titah Baginda dalam Perasmian Majlis Ilmu 2013 Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-67 Tahun, pada hari Selasa, 22 Oktober 2013M (Titah, 2015:86-88):

"...Inilah Brunei kita, Negara Zikir Melayu Islam Beraja. Kita adalah melihat kepada semua pihak dengan kaca mata yang bersih lagi putih tanpa sebarang prejudis. Lalu kerana itu kitapun juga adalah berhak pula untuk mengharap supaya orang lain juga terhadap Brunei akan melihat seperti itu. Insya Allah kita akan konsisten dengan dasar ini. Demikian juga bagi kepentingan dalaman, kita akan terus merancang, melaksana dan membangun dengan cara kita sendiri mengikut lunas-lunas yang benar yang diredai oleh Allah..."

Seterusnya Baginda bertitah (Titah-titah, 2009: 76-78):

"...Dengan konsep Negara Zikir, kita insya-Allah akan membangun negara dan kehidupan, dengan perkara-perkara yang dipandang baik serta bagus oleh Allah dan



juga oleh manusia. Kita akan usahakan kecemerlangan dengan konsep ini...”

## 5.0 KESIMPULAN

Falsafah pembangunan Negara Zikir yang menumpukan kepada acuan, mekanisme operasi, dan matlamat merupakan elemen-elemen yang perlu ada di dalam Negara Zikir, yang secara langsung memperjelas adanya hubungan atau ikatan antara *khaliq* dan *makhluk*. *Khaliq* adalah kekuatan dan kekuasaan yang paling tinggi, di mana segala ajaran mahupun larangan yang datang daripadanya wajib dipatuhi oleh sekalian *makhluk*. Manakala *makhluk* yang dimaksudkan adalah khusus kepada manusia yang berperanan sama ada sebagai pemimpin, rakyat dan masyarakat yang menerima amanah untuk mengharungi perjalanan hidup di atas muka bumi dengan sentiasa berpaksikan kepada hukum-hukum *Khaliq* iaitu Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*. Sesungguhnya impian untuk menjelmakan Negara Zikir dalam Negara Brunei Darussalam adalah antara langkah dan usaha untuk melaksanakan *al-Amr bi al-Ma’aruf wa al-Nahy an al-Munkar*, yang menjadi tunjang serta asas kepada pembentukan masyarakat dan negara Islam.

Falsafah pembangunan Negara Zikir bukanlah negara yang semata-mata membangun untuk memberikan keharmonian dan kesenangan kepada rakyat dalam menjalani kehidupan di dunia sahaja tetapi yang lebih utama adalah negara yang membangun dengan menyediakan keperluan-keperluan untuk bertemu Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* di Akhirat kelak. Negara Zikir yang dihasratkan adalah negara yang melaksanakan dan memenuhi keperluan kedua-dua aspek secara serentak, iaitu keperluan rohani dan keperluan materi. Selaras yang ditekankan oleh KDYMM di dalam titah Baginda sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29, bahawa (Titah-Titah, 2013: 19-22):

“...Seyogianya diingat bahawa kita membangun adalah meliputi pembangunan fizikal dan rohani. Malah pembangunan jenis kedua inilah yang lebih-lebih lagi dituntut kerana impaknya mencakup dua keuntungan sekali gus: keuntungan dunia dan keuntungan di akhirat...”

Pembangunan Negara Zikir hendaklah bermatlamatkan kepada menegakkan perundangan Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* secara keseluruhannya dan membentuk masyarakatnya yang mengingati Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* dengan mentaati segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya, semata-mata untuk mendapatkan keberkatan dan rahmat daripada Allah *Subhānahu wa Ta’ālā*. Sesungguhnya natijah daripada negara yang berusaha mengutamakan syariat Allah *Subhānahu*

*wa Ta’ālā* dalam setiap inci pembangunannya akan menghasilkan sebuah negara yang sentiasa mendapat keberkatan, kenikmatan, keamanan, dan *‘inayah* daripada Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* serta terhindar daripada kemurkaan-Nya. Sesuai dengan firman Allah *Subhānahu wa Ta’ālā* yang tafsirnya: “...Sesungguhnya berjajalah orang yang mensucikan dirinya (daripada kufur dan ma’siat). Dan menyebut (serta mengingat) nama Tuhannya serta mendirikan sembahyang. Tetapi kamu mengutamakan kehidupan dunia. Sedangkan (kehidupan) akhirat adalah lebih baik dan lebih kekal...”. (Surah al-A’lā (87):14-17)

## Rujukan

- Al-Qur’an al-Karim  
Abd al-Razāk al-Sanhūrī, Dr (2012). *al-Dīn wa al-Dawlah fī al-Islām*. Profesor Dr. Muhammad ‘Imārah (peny). Qāherah: Dār al-Salām.
- Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang. (1993). “Melayu Islam Beraja Negara Brunei Darussalam”. *Melayu Islam Beraja*. Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei, UBD. 4-26.
- Abdul Karim Zaidan (1984). *Masalah Kenegaraan Dalam Pandangan Islam*. Jakarta: Yayasan al-Amin.
- Ahmad Abdussalam Abdul Rahman (2010). “Brunei Darussalam Negara Zikir: Hasrat Sultan Haji Hassanal Bolkiah”. (kertaskerja yang dibentangkan di 10<sup>th</sup> Annual Conference on Islamic Studies (ACIS), Banjarmasin, Indonesia: 1-4 November.
- Aidit Ghazali (1990). *Development: An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications.
- Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang (1995). “Melayu Islam Beraja: Masa Kini Dan Masa Depan”. (Kursus Melayu Islam Beraja Untuk Pentadbir Sekolah-Sekolah, pada 2 – 3 September 1995). h. 2-3.
- Che Bakar Che Mat, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman, Norlela Kamaluddin, Sharifah Anom Omar, Salmah Hussin, Wan Ariffin Wan Yon (2007). *Pembangunan dari perspektif Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Che Bakar Che Mat, Salmah Hussin Wan Ariffin Wan Yon, Norlela Kamaluddin, Norlela Kamaluddin, Abd Shukor Md Ali, Wan Kamariah Leman (2007). *Pengenalan Kepada Sistem Kemasyarakatan &*

- kenegaraan Islam. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Fauzian Mohammad (1997). *Ke arah Pembentukan Masyarakat Madani*. Batu Caves: Pustaka Ilmi.
- Jabatan Penerangan (2008). *Titah-Titah. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2007*. Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan..
- Jabatan Penerangan (2009). *Titah-Titah. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2008*. Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan.
- Jabatan Penerangan (2010). *Negara Zikir Azam, Keperluan dan Pelaksanaan*. Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.
- Jabatan Penerangan (2013). *Titah-Titah. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2010*. Sastra Sarini Haji Julaini & Haji Salleh Haji Yusof (peny). Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan.
- Jabatan Penerangan (2015). *Titah-Titah. Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2013*. Muhd Khairulhadi bin Haji Muhd.Muhtaddir (peny). Brunei Darussalam: Jabatan Penerangan.
- Jabatan Penerangan (2010). *Negara Zikir Azam, Keperluan dan Pelaksanaan*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perdana Menteri.
- Kamus Dewan (1998). *Kamus Dewan*. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman Z. Mohamad et.al. (2002). *Impak Pembangunan Kualiti Hidup dan Persekitaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mahayudin Haji Yahaya Ph.D (2014) *"MIB": Misi Global ke Arah Negara Zikir Berdasarkan Teori 'Umran*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Mahayudin Hj Yahaya dan Ahmad Baha Mokhtar (2016). *Ensiklopedia Negara Zikir jilid 2: Tatanegara Zikir*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan (2013). 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam: *Mardhatillah* Sebagai Tujuan Pembangunan". *Politik Pembangunan Islam*. Warjio, PhD (Peny). Indonesia: Perdana Publishing. 41-48.
- al-Maududi, Abul A'la (1979). *Prinsip-prinsip Islam*. Bandung: al-Ma'arif.
- Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang (1990). *Tarsilah Brunei, Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang (2004). *Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Mohd. Jamil Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang (2008). *Melayu Islam Beraja Hakikat dan Hasrat*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Mohd. Nasir Omar (2010). *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad bin Abdul Latif, Haji (1992). "Latar Belakang Islam di Brunei". *Jurnal Darussalam*. Bil. 1. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Muhammad Sahrin bin Haji Masri (2015). "Strategi Politik dan Pentadbiran Negara Zikir". *Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Siti Sara Haji Ahmad dan Muhammad Syukri Salleh (Peny). Brunei Darussalam: UNISSA Press. 94-112.
- Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*. Malaysia: Zebra Editions Sdn. Bhd,
- Muhammad Syukri Salleh (2015). "Wawasan Brunei 2035 Dalam Konteks Negara Zikir". *Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Siti Sara Haji Ahmad dan Muhammad Syukri Salleh (Peny). Brunei Darussalam: UNISSA Press. 25-39.
- Munck, R. (1994). "Democracy and Development: Deconstruction and Debates". *Capitalism and Development*. Sklair, L. (ed.). London: Routledge. 21-39.
- Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya* (2014). Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Othman Mohd Yatim, Dr (1992). "Penyelidikan dan Penulisan Sejarah Kedatangan Islam ke Nusantara, Suatu Tinjauan Kembali". *Jurnal Darussalam*. Bil. 1. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Pengiran Anak Haji Amiruddin Alam Shah Pengiran Anak Haji Ismail, Mahayudin Haji Yahaya, Ahmad Baha Mokhtar, Rasinah Ahim, Rafidah Abdullah, Rafizah Abdullah (2015). *Ensiklopedia Negara Zikir jilid 1: Pengenalan*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.
- Pengiran Dr Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abd Rahman (2001). *Islam di Brunei Darussalam*. Cet Ke-2. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Perasmian Majlis Ilmu Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-64, pada hari Isnin, 14 Syaaban 1431H/26 Julai 2010M, bertempat di Dewan Planery, Pusat Persidangan AntaraBangsa, Berakas, Brunei Darussalam.

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk serta Para Penuntut Negara Brunei Darussalam di Malaysia sempena Keberangkatan Baginda ke Malaysia pada 3 Muharam 1438H bersamaan 4 Oktober 2016M di Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur.

Seers, D. (1969). "The Meaning of Development". *International Development Review* 11. 2-6.

Siti Sara Haji Ahmad dan Muhammad Syukri Salleh (Peny) (2015). *Dasar dan Strategi Pembangunan Negara Zikir*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.

